

Headline	Nikah lari beri impak kepada masyarakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	34	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	445 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,008
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,024



Nikah lari beri impak kepada masyarakat

Pasangan pilih jalan pintas cabar usaha memartabat perundangan syariah

Menurut laporan, hampir 1,000 perkahwinan rakyat Malaysia dijalankan di selatan Thailand setiap bulan. Jumlah kahwin lari itu dilaporkan meningkat tahun demi tahun.

Ini bermakna secara kasar kemungkinan kira-kira 12,000 pasangan rakyat Malaysia yang mengambil tindakan perkahwinan di negara itu dalam tempoh setahun.

Jika dirujuk statistik dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 140,535 perkahwinan orang Islam didaftarkan di Malaysia pada tahun 2011. Kita tidak pasti sama ada perkahwinan di selatan Thailand adalah sebahagian daripada statistik itu. Tetapi yang pasti, jumlah perkahwinan di selatan Thailand bukan jumlah yang kecil.

Nikah lari di Thailand menjadi alternatif bagi pasangan yang ingin perkahwinan tanpa mengikut sistem perundangan keluarga Islam di negara ini. Kajian mendapati terdapat beberapa faktor menyebabkan seseorang lari ke Thailand untuk perkahwinan antaranya wali tidak bersetuju dengan perkahwinan itu.

Justeru, bagi mengelak proses mendapatkan kebenaran wali hakim dari Mahkamah Syariah, pasangan lari perkahwinan di negara jiran.

Ada juga kes keluarga lelaki tidak menerima calon perempuan dan untuk mengelakkan daripada bertelagah dengan keluarganya, maka pasangan

lari ke Thailand. Perkahwinan poligami turut menjadi sebab

berkahwin di negara jiran.

Tidak dinafikan ada juga yang mendakwa susah untuk mendapatkan kebenaran mahkamah selain memakan masa yang panjang, maka perkahwinan di negara jiran adalah jalan pintas untuk menyelesaikan masalah.

Peruntukan khusus

Undang-undang keluarga Islam memberi satu peruntukan khusus mengenai persetujuan wali dan kebenaran menggunakan wali hakim bagi seseorang perempuan. Ini secara tidak langsung membabitkan isu izin wali dan kaitannya dengan perkahwinan di Thailand.

Seksyen 13 Enakmen Undang-undang Keluarga (Negeri Selangor) 2003, menyatakan sesuatu perkahwinan tidak diakui dan

tidak boleh didaftarkan kecuali selepas Hakim Syarie memberi kebenaran menggunakan wali Raja atau disebut wali Sultan bagi seorang wanita.

Ini terjadi dalam beberapa keadaan termasuklah wanita tidak mempunyai wali nasab seperti saudara baru yang memeluk Islam dan anak tak sah taraf. Keizinan menggunakan wali Raja juga boleh diminta apabila wali wanita tidak dapat ditemui atau enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab munasabah.

Ini menunjukkan wanita boleh memohon kepada Mahkamah Syariah untuk mendapat kebenaran menggunakan wali hakim. Amalan sekarang ialah apabila permohonan dibuat atas sebab wali enggan menikahkan anak walinya, maka wali akan dipanggil untuk dike-

tahui alasan mereka.

Sedar atau tidak, perkahwinan di Thailand menjadi isu besar yang memberi impak kepada masyarakat sehingga ia dibawa ke muzakarah majlis fatwa. Kedudukan keabsahan perkahwinan di Thailand diketengahkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002.

Hukum nikah luar negara

Pada muzakarah itu, diputuskan bahawa hukum pernikahan di luar negara adalah sah dengan beberapa syarat antaranya pernikahan itu mengikut rukun nikah; pernikahan itu melebihi dua marhalah; tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu perkahwin.

Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diikad nikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliahkan sebagai wali hakim.

Apa yang menjadi isu dalam masyarakat kita adalah wujudnya pelbagai syarikat di internet yang menjadikan rancangan nikah lari sebagai perniagaan mereka. Mereka menawarkan pakej RM1,500 sehingga RM3,000 bagi setiap pasangan dan menyelesaikan semua dokumentasi termasuk sijil kahwin untuk dibawa ke Malaysia.

Tindakan sebegini mencabar usaha murni ke arah memartabatkan perundangan syariah di Malaysia. Keadaan menjadi lebih negatif apabila syarikat ini men-

jadikan fatwa sebagai landasan tindakan mereka. Oleh kerana fatwa menyatakan pernikahan sah, maka fatwa ini seolah-olah membuka jalan kepada kelompok yang semakin memudahkan usaha perlanggaran undang-undang.

Kenapa kita tidak membuka ruang supaya pasangan yang menghadapi masalah berdepan dengan keizinan wali boleh mendapatkan nasihat dari Jabatan Agama semasa mereka ingin memohon untuk perkahwin.

Seharusnya ada satu jawatankuasa yang mungkin boleh menjadi pihak ketiga menolong mereka berbincang secara baik sebelum permohonan wali hakim diketengahkan ke mahkamah. Ini sudah tentu dapat membantu pasangan yang bermasalah.

Pada masa sama, dicadangkan fatwa itu diperhalusi kembali demi menjaga kedaulatan perundangan syariah kerana ia telah membuka ruang yang menjadikan perlanggaran undang-undang sebagai perniagaan.

Penulis ialah
Prof Madya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM, Shah Alam



DR NURHIDAYAH HASHIM

Headline	Nikah lari beri impak kepada masyarakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	34	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	445 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,008
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,024



Penikahan yang direstui keluarga lebih berkat dan tidak akan mendatangkan kesusahan kemudian hari. [FOTO HIASAN]